

Teruskan tradisi CSR sejak tujuh tahun lalu

Philea Resort & Spa agih bubur lambuk

Oleh **LIANA SAHABUDIN**

AYER KEROH 1 Jun - Biar pun Ramadan al-Mubarak hampir tiba bagi umat Islam menunaikan ibadah, namun Philea Resort and Spa mengambil inisiatif awal mengagihkan bubur lambuk kepada pengguna jalan raya di Plaza Tol Ayer Keroh di sini, semalam.

Bubur lambuk sebanyak 7,000 bungkus itu dimasak kira-kira pukul 9 pagi dibantu 100 kakitangan resort terbabit diketuai Chef Mohd Rizal dan

Chef Azhar Mohamad.

Mereka mengambil masa lima jam memasak bubur lambuk menggunakan periuk besar sebelum agihkan kepada orang ramai kira-kira jam 3 petang.

Pengurus resort terbabit, Lim Beng Weh berkata, program itu merupakan sebahagian Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) di samping meraikan kedatangan Ramadan yang bermula Isnin depan.

Menurutnya, pro-

gram dilaksanakan sejak tujuh tahun lalu itu juga sebagai tanda penghargaan pihak resort kepada orang ramai di samping merapatkan lagi hubungan masyarakat setempat di negeri ini.

"Ini adalah sebahagian dari usaha kami meraikan kedatangan bulan mulia khusus buat umat Islam, program ini akan berterusan sejak tujuh tahun kami anjurkan.

"Setakat ini, lebih 38,000 bungkus bubur lambuk sudah diagihkan sejak ia mula dilaksanakan, diharap aktiviti sebegini dapat menghidupkan suasana Ramadan khususnya bagi mereka yang menyambutnya," katanya.

Beliu berkata demikian pada sidang media selepas mengagihkan 7,000 bubur lambuk Philea Resort and Spa berhampiran Plaza Tol Ayer Keroh di sini.

Pengagihan bubur lambuk itu telah disempurnakan Timbalan Exco Pelancongan, Pembangunan Pantai, Sungai dan Pulau-Pulau, Datuk Gha-



GHAZALE, Norena (kiri) dan Beng Weh (baju biru) mengacau bubur lambuk untuk diagihkan kepada orang ramai.

zale Muhamad dan turut dihadiri Pengurus Besar Bahagian Promosi Pelancongan Melaka (BPP), Norena Jaafar.

Beng Weh berkata, selain mengagihkan kepada orang ramai, bubur tersebut turut diberikan kepada rumah kebajikan anak yatim iaitu, Kompleks Rumah Anak Yatim Fatimah Al Zaharah (KAYFAZ), Rumah Budak Laki-Laki Tun Abdul Aziz (RBLTAA) serta Rumah Seri Kenangan Cheng.



KAKITANGAN Philea Resort and Spa membungkus bubur lambuk untuk diagihkan kepada orang ramai berhampiran Plaza Tol Ayer Keroh, Selasa lalu.



GHAZALE menyampaikan bubur lambuk kepada pengguna jalan raya.